

PORTFOLIO PENILAIAN KENDIRI AUDIT PEMATUHAN BAGI PENGEKALAN STATUS SWAAKREDITASI INSTITUSI

01

STATUS SWAAKREDITASI UTM

2013

Penganugerahan

2018

Pengekalan status swaakreditasi kitaran pertama

2024

Audit Pengekalan status swaakreditasi kitaran kedua

KEPUTUSAN KITARAN PERTAMA

**13 Recommendations (AOC);
10 Suggestions (OFI)**

Panel Penilai bersetuju bahawa kesemua tindakan pembedulan dan penambahbaikan telah dipatuhi.

02

03

KECEMERLANGAN PENGURUSAN AUDIT

Penambahbaikan Panduan Jaminan Kualiti UTM, latihan Panel Penilai Audit (PPA) dalaman dan Fakulti, menyelaraskan CQI melalui *Annual Program Assessment Review (APAR)*, memperkenalkan *Internal Audit Facilitator (IAF)* dalam proses Audit Dalaman.

PELAN GLOBAL UTM (2012-2020) TO enVision UTM (2021-2025)

Melahirkan graduan berorientasikan masa hadapan dan menghasilkan penyelidikan berteraskan teknologi termaju untuk mendepani pelbagai cabaran sistemik dunia - *Moonshot Transformative - Journey 2023* diperkenalkan bagi memecut pelaksanaan enVision UTM 2025.

04

05

PENGLIBATAN PEMEGANG TARUH DALAM DAN LUAR

Meliputi penggubalan Pelan Global UTM - enVision UTM, pembangunan program akademik baharu dan semakan kurikulum program akademik sedia ada serta lain-lain proses penambahbaikan yang dilaksanakan.



KITARAN SEMAKAN KURIKULUM

Memastikan kitaran adalah relevan dan menepati cabaran masa kini dan masa akan datang.

**Diploma (4 thn);
Sarjana Muda (5 thn);
Sarjana (3 thn); PhD (4 thn).**

06

07

REKABENTUK DAN PENYAMPAIAN KURIKULUM

Rekabentuk kurikulum berpandukan elemen SDG, *Teaching Research Nexus (TRN)*, *Work Based Learning (WBL)*, *4th Industrial Revolution*, *nilai teras UTM (ISES)*, inisiatif terkini Kementerian Pengajian Tinggi dan *UTM Future Oriented Curriculum Framework for Undergraduates*. Penyampaian kurikulum yang menggabungkan kemajuan pedagogi dan teknologi Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) terkini dan inovatif - *New Academia Learning Innovation (NALI)*, Pembelajaran Teradun Gantian (PTG), PdP hibrid, MOOC dan Micro-Credentials (MC).

SEMAKAN POLISI, PROSEDUR DAN GARIS PANDUAN

Semakan serta penambahbaikan polisi, prosedur dan garis panduan berkaitan dari semasa ke semasa secara teratur meliputi bidang kepimpinan institusi dan governan, pembangunan dan pengurusan akademik, bakat dan sumber, serta penambahbaikan kualiti berterusan dan kelestarian.

08

09

SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK)

Dibangunkan secara komprehensif bagi tiga teras bisnes utama UTM iaitu Pembelajaran dan Pengajaran, Penyelidikan dan Perkhidmatan.

PENAMBAHBAIKAN KUALITI SECARA BERTERUSAN (CQI)

Pembudayaan pelbagai mekanisme untuk mendapatkan maklumbalas dari pihak pemegang taruh yang meliputi kajian soal-selidik, mengadakan hari bersama pemegang taruh, menyediakan saluran membuat aduan dan mengadakan mesyuarat/perjumpaan dengan pemegang taruh sebagai sumber analisis untuk penambahbaikan kualiti secara berterusan.

10